

DEXCHLORMINE TABLET

Dexchlorpheniramine Maleate (2 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DEXCHLORMINE TABLET
2. Bagaimana DEXCHLORMINE TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan DEXCHLORMINE TABLET
4. Cara menggunakan DEXCHLORMINE TABLET
5. Semasa menggunakan DEXCHLORMINE TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DEXCHLORMINE TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan

DEXCHLORMINE TABLET

Untuk rawatan

- Rinitis alergi (demam alergi) seperti rinitis alergi bermusim dan Konjunktivitis alergi (radang selaput mata)
- Reaksi alergi kulit seperti geligata
- Contact dermatitis (keradangan disebabkan oleh sentuhan dengan bahan asing)
- Atopic dermatitis atau ekzema (Kulit menjadi kering, gatal, dan mudah rengsa)
- Gatal berterusan di sekitar dubur dan vulva.
- Reaksi ubat yang dikaitkan dengan fenomena alahan terutamanya yang berciri gatal, geligata dan bengkak di bawah kulit.

Bagaimana DEXCHLORMINE TABLET berfungsi

Dexchlorpheniramine Maleate adalah antihistamin. Ia berfungsi dengan menghalang bahan semulajadi tertentu (histamin) yang dihasilkan oleh tubuh anda semasa reaksi alergi. Tindakan antimuscarinik memberikan kesan pengeringan pada lapisan hidung.

Sebelum menggunakan

DEXCHLORMINE TABLET

- Bila tidak boleh menggunakan
 - Pada bayi yang baru lahir atau pra-matang.
 - Individu yang menghadapi serangan asma yang akut
 - Hipersensitiviti kepada Dexchlorpheniramine maleate.

Mengandung dan menyusukan anak

Keselamatan penggunaan ketika hamil tidak dipastikan. Ia tidak diketahui sama ada Dexchlorpheniramine diserap ke dalam susu manusia, oleh itu langkah berjaga-jaga perlu diambil apabila diberikan kepada ibu-ibu yang menyusukan anak.

Ia harus digunakan dengan hati-hati pada wanita hamil.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil apa-apa ubat.

- Sebelum menggunakan

DEXCHLORMINE TABLET

Anda perlu menahan diri daripada minuman beralkohol.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Elakkan penggunaan serentak dengan monoamine oxidase inhibitor (antidepresan), tricyclic antidepressants, barbiturates, depresan sistem saraf pusat dan anticoagulants oral (untuk mencairkan darah).

Cara menggunakan

DEXCHLORMINE TABLET

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dewasa: 1 mg ($\frac{1}{2}$ tablet) - 2 mg (1 tablet) setiap 4 - 6 jam seperti yang diperlukan (maksimum 12 mg setiap hari)

Kanak-kanak 6 - 12 tahun: 1 mg ($\frac{1}{2}$ tablet) setiap 4 - 6 jam (maksimum 6 mg setiap hari)

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan pening, bunyi atau deringan di telinga, gangguan koordinasi pergerakan, penglihatan kabur dan tekanan darah yang rendah.

Semasa menggunakan

DEXCHLORMINE TABLET

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan DEXCHLORMINE TABLET.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi DEXCHLORMINE TABLET kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera
Ia boleh menyebabkan rasa mengantuk dan mengurangkan tahap kepekaan.

DEXCHLORMINE TABLET

Dexchlorpheniramine Maleate (2 mg)

Individu yang menjalani rawatan dengan ubat-ubatan ini tidak boleh mengendalikan kenderaan atau jentera.

Ia harus digunakan dengan berhati-hati pada individu yang mempunyai *narrow angle glaucoma* (Tekanan mata meningkat), kelenjar prostat yang membesar, penyempitan salur pundi kencing, penyakit jantung dan saluran darah dan penghasilan hormon tiroid yang berlebihan oleh kelenjar tiroid yang aktif.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, DEXCHLORMINE TABLET boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan adalah mengantuk, pening, gangguan gastrousus, kelemahan otot, gangguan koordinasi pergerakan, sakit kepala, penglihatan kabur, bunyi atau deringan di telinga, kejutan anafilaktik (Tindak balas alergi yang serius), sensitif kepada cahaya, peluh berlebihan, menggigil, kekeringan mulut, hidung dan tekak, tekanan darah rendah, insomnia (gangguan tidur), getetar, kegelisahan, sawan dan euforia (keterujaan).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara penyimpanan dan pelupusan DEXCHLORMINE TABLET

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di tempat kering di bawah suhu 30°C.

Lindungi daripada cahaya

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan

lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih berbentuk bulat dan leper dengan garis skor dan tidak bersalut.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Dexchlorpheniramine maleate

- Bahan tidak aktif

White base, corn starch,

Magnesium Stearate

- Nombor MAL

MAL20014499AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.

2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,

Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600

Seberang Perai, Pulau Pinang,

Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

16/06/2023

Nombor Siri:

BPFK(R4/1)190717/00175